

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|-----------|-------------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date | 20 SEPTEMBER 2016 |

The Economist persoal Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR 19 Sept. - Tindakan Tun Dr. Mahathir Mohamad yang kini berdiri teguh di belakang pakatan pembangkang menimbulkan persoalan apakah bekas Perdana Menteri itu sekadar mahu menggulingkan Datuk Seri Najib Tun Razak atau mengusahakan agar UMNO turut kecundang.

Persoalan terbabit dilontarkan majalah ekonomi berpengaruh, *The Economist*, selepas Dr. Mahathir bersama Tan Sri Muhyiddin Yassin dan beberapa bekas pemimpin UMNO menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) untuk bertanding dalam

pilihan raya umum akan datang.

Menurut *The Economist*, kemarahan Dr. Mahathir ke atas Perdana Menteri adalah sesuatu yang jelas berdasarkan tindak-tanduknya selama ini tetapi persoalannya apakah disebabkan kebencian tersebut beliau tergamak mahu memusnahkan UMNO selaku parti paling berjasa di Malaysia.

“Salah satu kebimbangan besar dalam kalangan pembangkang ialah sejauh mana Dr. Mahathir sanggup menongkah arus. Tiada siapa (dalam pakatan pembangkang) yang meragui betapa beliau begitu tidak bersetuju

dengan Najib.

“Tetapi apa yang tidak begitu pasti ialah sama ada, jika diberi pilihan, sama ada beliau dan partinya akan berhenti di tahap menumbangkan UMNO sekali gus,” soal majalah antarabangsa itu menerusi artikel bertajuk *Mahathir Mohamad. Can a leopard change its spots?*.

Dalam membangkitkan persoalan tersebut, *The Economist* turut memetik kenyataan terbaharu Dr. Mahathir bahawa beliau tidak nampak ada jalan untuk mempertimbang atau membiarkan UMNO dalam kerajaan walaupun di bawah kepemimpinan baharu.

Um - 20/9/2016